

رياق بهاس

Riak Bahasa

*Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam*

© *Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2006*

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

*Reka Bentuk Hiasan Kulit
Sait Haji Jali*

*Atur Huruf
Hajah Norfulziah Haji Ismail*

Rupa Taip Teks: CG Times, 11/13 poin

*Dicetak
Percetakan Aman Abadi Sdn. Bhd., Brunei Darussalam*

Kandungan

Lidah Pengarang	v
Pengenalan: Sejarah Ringkas Penubuhan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka	vii
Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan	ix
Peranan dan Pencapaian Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa	xi
Sejarah Awal Penulisan Khat	1
Bentuk Huruf dan Cara Penulisan Huruf-huruf Jawi	5
Penggunaan ‘Dan’ dan Tanda Koma (,) sebelum ‘Dan’	7
Istilah Perikanan: Pengurusan Sumber Daya Perairan & Sosial Ekonomi Perikanan	9
Kenali Bahasa Melayu Brunei	12
Sudut Tahukah Biskita: Penjodoh Bilangan	14

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Lidah Pengarang

APABILA KITA melihat perkembangan bahasa-bahasa dunia dalam alaf ini, kita seolah-olah dihujani dengan ledakan pelbagai kata umum, istilah, penyingkatan kata, akronim, dan sebagainya. Kepelbagaian ciptaan bahasa ini berkaitan dengan kemajuan teknologi maklumat seperti penggunaan komputer yang makin canggih dan internet. Globalisasi memberi impak terhadap perkembangan bahasa Melayu. Betapa pun demikian, kita jangan lupa bahawa kita masih mewarisi bahasa indung kita, BAHASA MELAYU. Sebagai bahasa indung, bahasa tersebut tetap berada di dalam diri bangsa Melayu, cuma sesetengah warga Melayu tidak menggunakan bahasa Melayu dengan baik, kerana sikap yang terlalu mengagung-agungkan bahasa asing, dan sebagainya sehingga rasa megah dan setia kepada bahasa Melayu tidak lagi menebal dalam diri mereka. Selain itu mereka berkomunikasi menggunakan bahasa asing dalam lingkungan keluarga dan sesama bangsa sendiri.

Forum Perdana Bahasa yang diadakan pada 22 April 2006 merupakan satu lagi usaha kebahasaan yang mengimbau kembali penutur-penutur berbahasa Melayu supaya mencintai bahasa Melayu. Sebagai warga Melayu yang mewarisi bahasa Melayu daripada nenek moyang yang juga berbangsa Melayu, rasa megah dan setia kepada bahasa Melayu haruslah dipertahankan sepanjang masa kerana kalau bukan bangsa Melayu, bangsa lain memandang sepi terhadap bahasa Melayu. Kurun ke-15 telah memperlihatkan kemegahan dan kesetiaan bangsa Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam perhubungan antarabangsa, pentadbiran, pendidikan, dan sebagainya walaupun bahasa Melayu bertembung dengan bahasa-bahasa lain dari pelosok dunia.

Malah, pembenturan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain memberikan kemanfaatan kepada bahasa Melayu dari segi perbendaharaan kata, baik kata umum mahupun istilah. Misalnya,

kosa kata bahasa Sanskerta dan bahasa Arab banyak terserap ke dalam bahasa Melayu sehingga ada antara kosa kata bahasa itu tidak disedari sebagai kosa kata pinjaman atau serapan.

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak memberikan jaminan bahawa bahasa Melayu berkembang meniti zaman sebagai bahasa saling terjemah kecuali bangsa Melayu merencanakan upaya pembinaan, pengembangluasan, pemantapan, dan pemeraksanaan bahasa Melayu yang menuntut rasa megah dan setia terhadap bahasa Melayu. Diharapkan bahawa Forum Perdana Bahasa akan menambahkan dan memperkukuh rasa megah dan setia terhadap bahasa Melayu.

*Bahasa jiwa bangsa,
Bahasa identiti bangsa;
Bahasa menunjukkan bangsa,
Bahasa pemersatu bangsa.*

Awang Hanafiah bin Haji Awang Zaini

Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Lapangan Terbang Lama

Berakas BB3510

Negara Brunei Darussalam

10 April 2006

Pengenalan: Sejarah Ringkas Penubuhan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANGUNAN DEWAN Bahasa dan Pustaka atau singkatannya DBP ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Batu Asas bangunan ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-28 pada 29 September 1965 iaitu sempena Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka yang baharu terletak di Berakas. Perletakan Batu Asas bangunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 29 September 1989.

Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 ada menyebutkan bahawa bahasa Melayu adalah sebagai bahasa rasmi, iaitu merujuk Bab 82 (i) Perlembagaan tersebut '*Bahasa Rasmi Negeri ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis*'.

Ke arah melaksanakan dan mengembangkan bahasa Melayu, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Bahasa di Jabatan Pelajaran pada tahun 1961, nama Lembaga Bahasa kemudiannya diubah menjadi Bahagian Bahasa dan Pustaka. Pada tahun 1965 Bahagian Bahasa dan Pustaka telah diasingkan menjadi sebuah jabatan penuh dan dinamakan sebagai Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misi Dewan Bahasa dan Pustaka adalah berikhtiar dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan

PENGELUARAN SURAT Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan, sekarang menjadi jabatan Perdana Menteri, menekankan tentang penggunaan bahasa Melayu adalah langkah kerajaan bagi memastikan supaya penggunaan bahasa Melayu dijadikan sebagai satu kemestian, kehendak ini sesuai dengan kehendak dan semangat Perlembagaan Negari tahun 1959.

Surat Keliling Bil.: 3/1983 jabatan Perdana Menteri menyentuh mengenai dengan Penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baharu pada awal tahun 1983 mulai digunakan secara berperingkat-peringkat. Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka telah melantik beberapa orang pegawai dari Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa untuk mengajar Sistem Ejaan Rumi Baharu kepada jabatan-jabatan kerajaan, guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan seterusnya dilaratkan kepada orang ramai.

Surat Keliling Bil.: 21/1988 Jabatan Perdana Menteri menyentuh mengenai dengan penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda di bangunan-bangunan kerajaan, dan badan-badan perniagaan termasuk papan nama, papan kenyataan, kepala surat, poster, iklan, kain rentang, nama-nama dan tanda-tanda jalan raya, dan lain-lain, iaitu tulisan Jawi hendaklah ditulis dua kali ganda besarnya daripada tulisan Rumi. Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa melalui Unit Pengembangan Bahasa telah mengambil langkah yang giat dalam memata-matai dan memantau penggunaan tulisan Jawi di seluruh negara.

Peranan dan Pencapaian Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

BAHAGIAN PEMBINAAN dan Pengembangan Bahasa adalah salah satu bahagian yang dipertanggungjawabkan melaksanakan segala kegiatan kebahasaan iaitu dalam sama-sama mendukung dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Pencapaian Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa terserlah dengan kemasukan DBP menjadi anggota MABBIM pada tahun 1985. Ini diikuti dengan kejayaan bahagian ini dalam melancarkan *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* pada 27 Mac 2004.

Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa akan terus memeduli hasrat kerajaan iaitu untuk menjadikan negara ini terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa telah giat mengungkayahkan beberapa kegiatan kebahasaan bermula sejak tahun 1965 hinggalah sekarang. Ini termasuklah dalam sama-sama memberikan dorongan terhadap penggunaan Sistem Ejaan Rumi dan Jawi kepada semua peringkat di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Antara pencapaian yang telah diungkayahkan oleh bahagian ini termasuklah kempen bulan bahasa, ceramah, bengkel, simposium, forum bahasa, peraduan tulisan Jawi, juga menerbitkan pelbagai buku seperti buku-buku istilah dan kamus, di samping terlibat secara langsung dengan kegiatan kebahasaan di luar negara.

Sejarah Awal Penulisan Khat

Pada zaman pemerintahan Daulah Umayyah, tulisan Arab berkembang dengan luasnya dengan penciptaan pelbagai bentuk seni khat. Peningkatan ini dapat dilihat di negara Brunei sendiri yang mengutamakan tulisan Jawi. Terdapat enam bentuk atau jenis tulisan yang lazimnya dipakai di negara ini, di antaranya ialah kufi, sulus, nasakh, farisi, riqah, dan diwani.

Kufi

Nama jenis seni khat ini berasal dari Bandar Kufah dan penulis awalnya ialah Nazhar ibni Kinanah. Pada abad pertama hijriah khat kufi dipakai untuk penulisan Al-Quran. Tetapi pada zaman Khalifah Abbasiyah yang berpusat di Baghdad, ahli khat Arab telah mencipta pelbagai variasi khat kufi. Pada zaman itu tampil ahli-ahli khat seperti Dhahhak ibnu Ajelan dan Ishaq bin Hammad.

Khat ini berkembang dengan pelbagai variasi, sehingga lahir pelbagai jenis khat terkenal pada masa itu seperti khat Murabba', khat Mugharrar, khat Musyajjar dan sebagainya. Dari Khat Murabba' timbul khat Riq'ah, khat Mugharrar kepada khat Diwani dan Diwani Jali. Khat ini banyak dipergunakan untuk hiasan di dinding masjid, menara azan, kubah, dan tidak kurang untuk hiasan buku-buku, majalah, poster dan sebagainya. Contoh bentuk tulisan kufi adalah seperti berikut:



Sulus

Berasal dari tulisan Qalam, lebarnya 1/3 sahaja. Penulis awalnya ialah Wazir ibni Maqlah. Khat sulus sering dipakai untuk penulisan mushaf Al-Quran pada judul atau nama kitab dan sebagai hiasan. Contoh tulisan sulus adalah seperti yang berikut:



Nasakh


Ertinya salinan atau menyalin, biasanya ditulis di mashaf, kitab-kitab agama, surat-menyurat dan dikenali sebagai khat Al-Quran. Penulis awalnya ialah Wazir ibni Maqlah. Khat ini disempurnakan dengan bentuk yang paling indah oleh ahli kaligrafi Arab yang termasyhur, Al-Wazir Abu Aly Muhammad ibnu Muqlah dan saudaranya Abu Abdullah Al-Hassan. Beliau memperkenalkan satu kaedah dengan menentukan ukuran panjang, pendek, jarak dan gaya dalam khat nasakh.

Khat ini amat jelas dan mudah dibaca, sebab itu banyak digunakan untuk penulisan buku-buku ilmiah. Khat sulus dan nasakh mempunyai sedikit sekali perbezaan. Contoh nasakh:



Farisi

Berasal dari perkataan Farisun-Iran. Penulis awalnya ialah Mir Ali Sultan Tabrizi. Jenis ini mula dikembangkan oleh ahli-ahli khat Arab di Parsi, sehingga melahirkan gaya tersendiri dengan bentuk huruf yang sedikit condong ke kanan. Khat ini banyak digunakan untuk penulisan buku-buku sastera, nama dan judul sesuatu karangan pada majalah, surat khabar dan sebagainya. Khat ini banyak dipakai di Parsi, Pakistan, dan Turki. Tulisan Urdu lazimnya ditulis dengan khat ini. Contohnya:



Riq'ah

Berasal dari perkataan ruk'ah yang bererti “Lembaran Daun Kecil yang Halus”. Penulis awalnya ialah Mumtazbik Al-Mustasyar. Tulisan ini termasyhur semasa zaman pemerintahan Sultan Abd. Hamid Khan. Jenis ini disebut juga khat Riq'ie. Ia dianggap sebagai trengkas yang hampir menyamai stenografi. Khat ini biasanya digunakan oleh pelajar-pelajar di pengajian tinggi Islam. Contoh tulisan:



Diwani

Khat ini berasal dari tulisan riq'ah, tetapi diubahsuai sehingga menjadi sebuah bentuk tulisan yang hurufnya berjalin, lalu dipanggil sebagai diwani. Contohnya seperti yang berikut:



Pada zaman Islam di Mesir, khat ini digunakan untuk penulisan surat-surat rasmi, seperti surat perjanjian, surat penghargaan dan piagam.

Nama khat ini mungkin bersempenakan pejabat kerajaan yang bernama Dewan Malaky; sebab surat-surat yang dikeluarkan dari Diwan Malaky itu disebut surat diwani dan tulisannya disebut khat diwani.

Ahli-ahli khat diwani yang termasyhur dalam sejarah adalah seperti Ibrahim, Munif At-Tarki, Syeikh Hamdullah el Amasy, Jalaludin, dan Al-Hafizh Usman.

Dari khat Diwani timbul dewani jali yang lebih rumit penulisannya tetapi lebih indah dan artistik. Khat ini ada banyak variasi dan tanda-tanda yang digubah dalam bentuk yang menarik seperti dalam bentuk perahu, ikan, burung, dan sebagainya. Ahli-ahli yang terkenal dalam kaligrafi ini adalah seperti Muhamad Izzat dari Istanbul dan lain-lain.

Bentuk Huruf dan Cara Penulisan Huruf-Huruf Jawi

Huruf-huruf Jawi dibahagikan kepada empat kelompok, iaitu:

Kelompok A	ا د ذ ر ز و ق و ی
Kelompok B	ب ب ت ث ج ج ح خ س ش ص ض ط ظ ع غ غ ف ف ی ک ک گ د م ن ل ا ی ن
Kelompok C	ہ
Kelompok D	ق

Ciri-ciri kelompok A

- a) Dalam penulisan, huruf-huruf dalam Kelompok A tidak boleh disambung dengan huruf-huruf selepasnya.

Contohnya:

(biar) بیار	Huruf ا tidak boleh disambung dengan ر selepasnya
(bungkus) بونگوس	Huruf و tidak boleh disambung dengan گ selepasnya
(zakat) زکاة	Huruf ز tidak boleh disambung dengan ک selepasnya

- b) Perkataan-perkataan yang terbina hanya daripada huruf-huruf dalam kelompok ini tidak ditulis bersambung sesamanya.

اد	ada
دادا	dada
درر	deru
دوا	dua
دودا	duda
ادو	adu

- c) Huruf-huruf dalam kelompok ini boleh disambung sebelumnya dengan huruf-huruf dalam Kelompok B sahaja.

Contohnya:

(baru) بارو	Huruf ا disambung dengan ب sebelumnya
(tidak) تيدق	Huruf د disambung dengan ي sebelumnya
(uzur) عذور	Huruf ذ disambung dengan ع sebelumnya
(segera) سكررا	Huruf ر disambung dengan س sebelumnya
(zamzam) زمزم	Huruf ز disambung dengan م sebelumnya
(gudang) كودغ	Huruf د disambung dengan ك sebelumnya
(volvo) فولوو	Huruf و disambung dengan ف sebelumnya

Penulisan huruf-huruf Jawi dalam Kelompok B, C, dan D, insya-Allah akan dimuatkan dalam keluaran akan datang.

بهاس جيوا بهاسا

Penggunaan ‘Dan’ dan Tanda Koma (,) sebelum ‘Dan’

Perkataan ‘dan’ merupakan salah satu kata hubung dalam ayat majmuk gabungan. Kata hubung yang lain adalah *lalu, serta, sambil, tetapi, atau* dan sebagainya. Ia dikatakan sebagai kata hubung kerana fungsinya menghubungkan dua atau lebih daripada dua ayat yang setara sifatnya menjadi satu ayat.

1. Ayah pergi ke pejabat *dan* ibu pergi ke pasar.
(Ayah pergi ke pejabat + Ibu pergi ke pasar)

Dan juga dapat digunakan sebagai kata tunggal dalam frasa, dan menghubungkan dua perkataan yang sekategori jenisnya.

2. Abang memakai kasut *dan* stoking.
(*kasut* dan *stoking* adalah daripada kategori kata nama)
3. Negara Brunei Darussalam kaya dengan hasil minyak *dan* rakyatnya hidup dengan makmur.
(Negara Brunei Darussalam kaya dengan hasil minyak + Rakyat Negara Brunei Darussalam hidup dengan makmur)

Dan digunakan dalam frasa.

- *dan lain-lain*
 - *dan sebagainya*
 - *dan lain-lain lagi*
4. Jerayawara kereta itu memperagakan banyak jenis kereta iaitu Lexus, Toyota, Mercedes, Volvo, BMW, Renault, *dan banyak lagi*.

Penggunaan ‘*dan*’ berkesan dalam memendekkan tulisan yang terlalu panjang dengan butiran yang sama jenis atau tarafnya. Selain itu, penggunaan perkataan ‘*dan*’ juga memperkemas struktur ayat supaya lebih mudah difahami oleh pembaca.

5. Bas ungu ini ada yang ke Muara, Parit *dan* Limau Manis, dan Kuala Lurah.
(Bas ungu ini ada yang ke Muara + Ada yang hendak ke Parit dan Limau Manis + Ada yang ke Kuala Lurah).

Dalam ayat 5 di atas, terdapat dua kata hubung ‘*dan*’. Satu daripadanya dibubuh tanda koma (,) sebelum perkataan *dan*.

Dalam frasa *Parit dan Limau Manis* perkataan ‘*dan*’ merujuk kepada bas yang sama yang menuju ke dua buah tempat. Manakala dalam frasa, *dan Kuala Lurah* tanda koma dibubuh sebelum kata hubung yang bertujuan memisahkan frasa *Parit dan Limau Manis*. Sekiranya frasa ini tidak dipisahkan akan menimbulkan kekeliruan dan kegagalan kepada pembaca. Lihat contoh 5a dan 5b.

- 5a. Bas ungu ini ada yang ke Muara, Parit dan Limau Manis dan Kuala Lurah.
5b. Bas ungu ini ada yang ke Muara, Parit, dan Limau Manis dan Kuala Lurah

Ayat 5a berbeza daripada ayat 5b akibat pemindahan tanda koma sebelum kata hubung ‘*dan*’.

Tanda koma perlu juga disebabkan terdapat subjek dan predikat yang tidak sama dengan subjek dan predikat ayat selepasnya.

6. Adik yang baru sekolah itu terasa lelah.
7. Adik yang baru sekolah itu terasa mengantuk.
8. Abang yang malas itu terasa lapar.

Ayat atau subjek dan predikat ayat 6 dan 7 menceritakan hal adik, ayat 8 pula menceritakan hal abang.

Adik yang baru sekolah itu terasa lelah dan mengantuk, dan abang yang malas itu terasa lapar.

Istilah Perikanan: Pengurusan Sumber Daya Perairan dan Sosial Ekonomi Perikanan

Bil.	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
59	<i>inshore habitat</i>	habitat tepi pantai
60	<i>instantaneous growth rate</i>	kadar pertumbuhan seketika
61	<i>integrated coastal area management (ICAM)</i>	penggunaan pinggir pantai sepadu
62	<i>interspecies competition</i>	persaingan antara spesies
63	<i>inundation</i>	pembanjiran
64	<i>island arc-trench</i>	jurang lengkung kepulauan
65	<i>isobath</i>	garis sedalam/isobat
66	<i>jaw tag</i>	tanda rahang
67	<i>jawless fish</i>	ikan tanpa rahang
68	<i>J-shaped growth form</i>	pertumbuhan bentuk-J
69	<i>juvenile</i>	juvenil
70	<i>juvenile stage</i>	peringkat juvenil
71	<i>juvenile stock</i>	stok juvenil
72	<i>kelp</i>	kelpa
73	<i>Kelvin Temperature Scale</i>	skala suhu Kelvin
74	<i>king crab</i>	imi-imi/belangkas
75	<i>krill</i>	Kril
76	<i>kyphosid</i>	Kifosid
77	<i>landlocked nation</i>	negara tanpa laut
78	<i>larval distribution limit</i>	had taburan larva
79	<i>light-photosynthesis curve</i>	keluk cahaya-fotosintesis
80	<i>littoral vegetation</i>	tumbuhan litoral
81	<i>low migratory species</i>	spesies penghijrahan terhad
82	<i>luteinizing hormone</i>	hormon peluteinan

Bil.	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
83	<i>lutjanid</i>	lutjanid
84	<i>lux</i>	laks
85	<i>marine protected area</i>	kawasan laut dilindungi
86	<i>mark-recapture method</i>	kaedah tanda-tangkap semula
87	<i>maury bathymetric map</i>	peta batimetri mauri
88	<i>mesh-size regulation</i>	peraturan saiz mata pukat
89	<i>migratory pathway</i>	laluhan penghijrahan
90	<i>minimum size restriction</i>	had saiz minimum
91	<i>monitoring control and surveillance (MCS)</i>	pantau kawal dan pengawasan
92	<i>mortality coefficient</i>	pekali kematian
93	<i>mucilaginous sheath</i>	sarung bermusilaj
94	<i>natural mortality coefficient</i>	pekali kematian semula jadi
95	<i>negative phototaxis</i>	fototaksis negatif
96	<i>nocturnal habit</i>	tabiat malaman
97	<i>nongame fish</i>	ikan bukan buruan
98	<i>nutrient gradient</i>	kecerunan nutrien
99	<i>nutrient pool</i>	takungan nutrien
100	<i>nutrient trap</i>	perangkap nutrien
101	<i>ocean depth</i>	kedalaman lautan
102	<i>open access fishery</i>	perikanan bebas/perikanan terbuka
103	<i>optimum sustainable yield (OSY)</i>	hasil lestari optimum
104	<i>organ-pipe coral</i>	takat angklung
105	<i>overstocking</i>	stok berlebihan
106	<i>oyster-farming</i>	ternak tiram
107	<i>particulate organic matter (POM)</i>	bahan organik zarah
108	<i>photochemical oxidation</i>	pengoksidaan fotokimia
109	<i>physiological regulation</i>	peraturan fisiologi

Bil.	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
110	<i>population oscillation</i>	turun naik populasi
111	<i>queen fishes</i>	bakalang
112	<i>recruitment overfishing</i>	tangkapan berlebihan perekrutan
113	<i>reef fishes</i>	ikan takat
114	<i>relative abundance index</i>	indeks kelimpahan relatif
115	<i>restoration stocking</i>	pelepasan pulih
116	<i>sea corn</i>	telur siput
117	<i>sea-bed resource</i>	sumber dasar laut
118	<i>similarity index</i>	indeks kesamaan
119	<i>species-based management</i>	pengurusan berasaskan spesies
120	<i>thermal stratification</i>	lintap terma
121	<i>total fishing mortality</i>	kemortalan penangkapan total
122	<i>turtle exclusion device (TED)</i>	peranti sisih penyau
123	<i>under stocking</i>	stok kurang
124	<i>un-fished stock</i>	stok tidak ditangkap
125	<i>updrift</i>	hanyutan naik
126	<i>upwelling</i>	julang air
127	<i>vertical migration</i>	penghijrahan menegak
128	<i>vertical mixing</i>	pencampuran menegak
129	<i>Von Bertalanfy growth function</i>	fungsi pertumbuhan Von Bertalanfy
130	<i>waste stabilization</i>	penstabilan sisa buangan
131	<i>wind-driven circulation</i>	edaran pacuan angin
132	<i>wintering migration</i>	penghijrahan musim sejuk
133	<i>year class strength</i>	kekuatan kelas tahunan
134	<i>yield per recruit</i>	hasil per rekrut
135	<i>zonation</i>	pengezonan

Kenali Bahasa Melayu Brunei

alapan sebahagian barang (pakaian, emas, dan lain-lain) kepunyaan orang yang meninggal untuk disedekahkan kepada orang yang memandikan dan mengafankan jenazah.

bilas kecacatan pada bibir mata.

bibai 1 luka memanjang dan dalam (pada badan); **2** koyak memanjang (pada kain dan sebagainya).

cabung; cabung-cabung 1 memukul-mukul hujung kaki di air (ketika berenang dan sebagainya); **2** menggerak-gerakkan kaki ketika meniarap (biasanya anak kecil);

mencabung memukul-mukul air dengan pengayuh untuk menggiring ikan ke pukut;

~ **talur** memukul-mukul telur agar mengembang dan naik (untuk membuat kuih).

dadih pulut separuh masak untuk membuat kalupis (sebelum dibungkus untuk dikukus);

mendadih membuat dadih.

ganta-ganta tersekat-sekat atau terhenti-henti (tentang bunyi enjin yang rosak);

berganta-ganta ganta-ganta.

ingau 1 bingung; **2** bimbang; risau;

pingingau orang yang mudah ingau.

jajam mudah menangkap atau mengerti (tentang pelajaran); tajam fikiran.

kabut tidak jernih (tentang air); keruh;
~ **mua** tidak berseri (tentang muka).

lacak; **lacak-lacak** berulang kali berkunjung ke sesuatu tempat;
berlacakan lacak-lacak.

mun jika; jikalau: ~ *ada masa, datang tah ka rumah.*

ngingis terkopek sedikit (tentang kulit, cat, dan lain-lain) kerana tergores benda tajam;
berningisan ngingis (dalam bilangan yang banyak);
pengingisi alat yang menjadikan sesuatu ngingis.

pahang rasa yang kurang enak seperti terlalu banyak rempahnya (tentang masakan);
memahang berasa pahang.

rabai; **rabai-rabai** terurai dengan tidak menentu (biasanya tentang rambut yang panjang);
berabaian rabai-rabai;
merabai mengurai;
merabaikan menguraikan rambut: *lepas mandi, ia ~ rambutnya supaya lakas karing.*

ragian para-para daripada kayu dan sebagainya yang dipasang di dinding rumah untuk menaruh barang-barang; rak.

sangkut terkenang atau teringat akan seseorang dengan menyimpan barang, makanan, dan sebagainya untuk diberikan kemudian: *indung salalu ~ kan anak-anaknya;*
penyangkut orang yang sifatnya mudah terkenang atau teringat akan seseorang dengan menyimpan sesuatu (seperti barang dan makanan) untuk diberikan kemudian.

Sudut Tahukah Biskita

Penjodoh Bilangan

Penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan untuk membilang benda, orang, binatang, dan tempat.

- angkatan** Digunakan untuk membilang kumpulan manusia atau benda.
Seperti: *musuh, tentera, kapal perang.*
- baris** Digunakan untuk membilang benda yang berbaris.
Seperti: *rumah, ayat, askar.*
- batang** Digunakan untuk membilang benda yang panjang dan keras.
Seperti: *pen, jalan, sungai.*
- bentuk** Digunakan untuk membilang benda yang kecil dan berbentuk.
Seperti: *cincin, mata kail, subang.*
- biji** Digunakan untuk membilang buah-buahan dan benda yang kecil dan bulat.
Seperti: *oren, epal, guli.*
- buah** Digunakan untuk membilang benda yang besar dan padu.
Seperti: *sekolah, motosikal, rumah.*
- ekor** Digunakan untuk membilang semua jenis binatang.
Seperti: *kucing, anak ayam, itik.*
- orang** Digunakan untuk membilang manusia.
Seperti: *guru, doktor, pelakon.*
- helai** Digunakan untuk membilang benda yang panjang, nipis dan lebar.
Seperti: *tudung, daun, kertas.*
- keping** Digunakan untuk membilang benda yang lebar, rata, dan leper.
Seperti: *roti, gambar, kertas.*

Borang Cadangan

Nama:

Alamat:

.....

.....

No. Telefon:

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan biskita

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

***Cawangan Perkamusan
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam***

Tel: 2235501 sambungan 510 Faks: 2225697

